

**KKT&P: 100 - 4 / 16 / (41)**

14hb. November 2005

Mayor  
**Dewan Bandaraya Kota Kinabalu**

Presiden  
**Majlis Perbandaran Sandakan & Tawau**

Pesuruhjaya  
**Lembaga Bandaran Kudat**

Pegawai Kerja  
Majlis-majlis Daerah  
**KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN, KENINGAU, TENOM, KOTA  
BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG, KUNAK, LAHAD DATU, KOTA MARUDU,  
SEMPORNA, KINABATANGAN, LABUK SUGUT/BELURAN, BEAUFORT DAN PAPAR**

***SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 6/2005 - TARIKH TERAKHIR PENERIMAAN  
TUNTUTAN BAYARAN PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN TAHUN 2005***

**1. Tujuan**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan tarikh akhir penerimaan tuntutan bayaran Projek-projek Persekutuan di peringkat Kementerian.

**2. Latar Belakang**

Selaras dengan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kota Kinabalu Bil. 8 Tahun 2005 bertarikh 18 Oktober 2005 (Penutupan Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2005), Sistem Perakaunan di Peringkat Cawangan Jabatan Akauntan Negara akan ditutup sebelum 31 Januari 2006.

Oleh yang demikian, untuk memenuhi kehendak ini, Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kota Kinabalu telah menetapkan semua baucar bayaran hendaklah disampaikan dipejabatnya seperti berikut:

| <b>Bulan</b>                       | <b>Jenis Dokumen</b> | <b>Tarikh Terakhir Penerimaan</b> |
|------------------------------------|----------------------|-----------------------------------|
| Disember 2005                      | Baucar Bayaran       | 15 Disember 2005                  |
| Januari 2005<br>(Akaun Kena Bayar) | Waran Peruntukan     | 09 Januari 2006                   |
|                                    | Baucar Bayaran       | 17 Januari 2006                   |

### 3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Sehubungan dengan itu, untuk mencapai tarikh akhir yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kota Kinabalu dan memastikan masa yang mencukupi untuk memproses semua tuntutan di Peringkat Kementerian, maka Kementerian ini telah menetapkan bahawa semua PBT hendaklah mematuhi jadual berikut:

| <b>Jenis Dokumen</b>   | <b>Tarikh Terakhir Penerimaan di J.A.N</b> | <b>Tarikh Terakhir Penerimaan di Peringkat Kementerian</b> |
|--|--|--|
| <b>Baucar Bayaran</b><br>untuk semua Projek-projek Persekutuan yang telah siap dilaksanakan sepenuhnya sebelum atau pada bulan November 2005 dan telah menerima waran peruntukan | 15 Disember 2005                           | <b>30 November 2005</b>                                    |
| <b>Waran Peruntukan</b>  | 09 Januari 2006                            | <b>05 Januari 2006</b>                                     |
| <b>Baucar Bayaran</b><br>untuk semua Projek-projek Persekutuan yang siap dilaksanakan sepenuhnya pada dan selepas November 2005 dan telah menerima waran peruntukan              | 17 Januari 2006                            | <b>05 Januari 2006</b>                                     |

3.2 Kementerian ini tidak akan memproses tuntutan-tuntutan pembayaran yang masih belum mempunyai waran peruntukan. Oleh yang demikian, PBT adalah dikehendaki untuk memastikan waran peruntukan telah diterima untuk semua projek-projek yang akan dibayar pada tahun ini. Sekiranya belum, sila berhubung terus dengan Bahagian Perancangan dan Penyelarasan.

3.3 Tuntutan bayaran yang diserahkan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

#### **4. PENUTUP**

4.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan mematuhi Surat Pekeliling ini amatlah dihargai bagi memastikan semua tuntutan dapat dibayar pada tahun ini.

4.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang Surat Pekeliling ini, sila berhubung dengan Akauntan Kanan, Cik Phak Shiu Len melalui No. Telefon 088-256744.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**

**(DATUK UJANG SULANI)**  
Setiausaha Tetap

Edaran Dalaman:

*Pegawai Perancang Kanan - Sila pastikan Keputusan Sebutharga dibekalkan kepada Bahagian Akaun dan sila susuli dengan KPKT/JPPS berkenaan Waran Peruntukan yang masih belum diterima.*

NAA/-